



YAKULT (MALAYSIA) SDN. BHD. (198701004888)

Lot. No. 7, Jalan Jururancang U1/21,
Seksyen U1, Hicom Glenmarie Industrial Park,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-5569 8960 Fax: 03-5569 8961

BENGKEL 'THRIVE LITTLE ONE' ANJURAN YAKULT MERIAH, BERJAYA BANTU IBU BAPA DI JOHOR

JOHOR BAHRU – Inisiatif istimewa Yakult (Malaysia) Sdn Bhd dalam menyantuni komuniti ibu bapa di sekitar Johor melabuhkan tirainya dengan jayanya. Bengkel "Thrive Little One with Yakult" yang berlangsung pada hari Sabtu, 18 Julai 2026, di Grand Paragon Hotel, Johor Bahru, mendapat sambutan luar biasa apabila dihadiri oleh 110 peserta yang teruja menimba ilmu penjagaan bayi dan kesejahteraan usus.

Bertindak sebagai peneraju utama kempen ini, Yakult membuktikan komitmen berterusan mereka dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya sistem penghadaman yang seimbang. Fokus utama bengkel ini adalah untuk mendidik ibu bapa mengenai penjagaan 1,000 hari pertama kehidupan bayi, selain membantu ibu-ibu mempercepatkan proses pemulihan optimum selepas bersalin melalui pengambilan probiotik.

Program separuh hari ini padat dengan pengisian bermakna daripada pakar-pakar hebat. Peserta didedahkan dengan topik Perut Ceria, Anak Hebat: Pemakanan 1000 Hari Pertama Kehidupan Ibu dan Bayi oleh Pegawai Sains Pemakanan KK Taman Cendana, Pn. Maslina. Sesi kemudian diteruskan dengan perkongsian menarik daripada Kaunselor Laktasi Bertauliah, Nad Masrom menerusi slot The Art of Breastfeeding & Baby Care. Menghangatkan lagi suasana, Pegawai Perhubungan Awam Yakult Malaysia, En. Aliff tampil mengadakan demonstrasi masakan yang kreatif, menunjukkan betapa mudahnya menyelitkan kebaikan Yakult dalam diet harian.

Turut berkongsi visi di sebalik penganjuran acara ini, Pengarah Bersekutu Bahagian Perhubungan Awam & Sains Yakult (Malaysia) Sdn Bhd, Puan Mazlyn Mena Mustapha, menegaskan fokus sains dalam produk mereka. "Komitmen kami di Yakult (Malaysia) Sdn. Bhd. berakar umbi daripada penyelidikan saintifik yang teguh dan dedikasi terhadap kualiti," katanya, menekankan asas saintifik di sebalik produk Yakult. "[Strain *Lacticaseibacillus paracasei* Shirota \(LcS\)](#) di dalam Yakult telah menjadi subjek kajian saintifik selama berdekad-dekad, membuktikan keupayaannya untuk terus hidup dalam saluran pencernaan dan menyumbang kepada persekitaran usus yang lebih kuat. Ini berkait rapat dengan kesejahteraan menyeluruh bagi ibu dan bayi."

Walaupun inisiatif kesejahteraan ini dipacu sepenuhnya oleh Yakult selaku penganjur utama, kejayaan acara ini turut mendapat sokongan padu daripada barisan penaja yang amat prihatin terhadap keharmonian institusi kekeluargaan. Rangkaian penaja yang turut menjayakan program ini termasuklah Applecrumby, Buds Organics, Hello Doktor, Mama's Choice, Love Earth, Libresse, Pikalula, GNUBKINS, ZenXin Organic, Momcozy, Mom More Milk, zéramom, The Little Gym, Softlove x Sally, Numom, dan Drypers.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti Yakult, layari laman web Yakult di www.yakult.com.my.